

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10 TAHUN 2021

PINDAAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH ELAUN MEMANDU KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini bertujuan ini bertujuan memperkemaskan peraturan dan syarat mengenai pelaksanaan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) dan Elaun Memandu Kenderaan Jabatan (ETMK) kepada Pegawai Bomba.

2.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempunyai pelbagai jenis kenderaan yang dilengkapi dengan peralatan pemadaman kebakaran dan penyelamatan. Ia dipandu dan dikendalikan oleh pemandu kenderaan yang dilantik sebagai tugas tambahan khas yang rumit dan memerlukan kemahiran khusus

selain dari tugas asas mereka sebagai *frontline* melaksanakan gerak kerja pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1. Surat Rujukan JPA.SARAAN(S)/63/164-1 Jld.8(45)
Pemanjangan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)
- 3.2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2019 - Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
- 3.3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 - Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu
- 3.4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013 - Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam
- 3.5. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007 - Elaun Tugas Memandu Kenderaan.
- 3.6. Prosedur Kerja Senarai Semak Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan.
- 3.7. Surat Arahan Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2020 - Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Bomba.
- 3.8. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2020 - Peraturan dan Syarat-syarat Penggunaan Kenderaan Jabatan
- 3.9. Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1 Tahun 2013 - Pengurusan Kenderaan Kerajaan

4.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan ini, berikut adalah tafsiran:

- 4.1 **"Kenderaan Bomba"** bermaksud Kenderaan Kerajaan yang diperuntukkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk tujuan pemadaman dan penyelamatan seperti "*Fire Rescue Tender*" atau kenderaan-kenderaan jabatan kategori kenderaan khas, kenderaan utiliti dan seumpamanya.
- 4.2 **"Jentera Khas"** bermaksud kenderaan JBPM melebihi 5,000 kg (5 tan) dan kenderaan *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS) dan jentera khas bomba bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan.
- 4.3 **"Kenderaan Utiliti"** bermaksud semua jenis kenderaan sokongan JBPM seperti kereta, Multi Purpose Vehicle (MPV), van, pacuan empat roda (4X4), lori dan lain-lain.
- 4.4 **"Kenderaan *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS)"** bermaksud kenderaan yang dilengkapi dengan peralatan perawatan perubatan kecemasan peringkat awal dan peralatan menyelamatkan asas yang digunakan semasa operasi untuk menyelamatkan atau merawat mangsa serta menghantar mangsa atau pesakit ke hospital sekiranya perlu.
- 4.5 **"Rapid Interversion Motorcycle (RIM)"** bermaksud jentera bomba khas jenis motosikal yang digunakan sebagai jentera tindakan pantas untuk memastikan anggota bomba sampai di lokasi kejadian kecemasan secepat mungkin.

4.6 “Bot Bomba” ialah semua jenis bot berenjin seperti bot *aluminium, kevlar boat, amfibia boat, fire rescue boat, dolphin boat* atau mana-mana boat yang dibekalkan kepada JBPM.

4.7 “Pemandu Kenderaan” bermaksud pemandu kenderaan Gred KB19 / KB22 (TBK 1) / KB24 (TBK 2) / KB26 (TBK 3) yang menerima Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) sebagaimana yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

5.0 JENIS ELAUN PEMANDU KENDERAAN JBPM

Terdapat 2 jenis elaun pemandu kenderaan JBPM iaitu:

5.1 Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP).

Elaun ini dibayar kepada Pegawai Bomba yang dilantik sebagai Pemandu Kenderaan bagi memandu jentera bomba yang melebihi 5,000 kg (5 tan) dan kenderaan *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan.

5.2 Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK).

Elaun ini diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007. Elaun ini dibayar kepada pegawai perkhidmatan awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk memandu kenderaan jabatan. Bagi Jabatan ini elaun hanya diberikan kepada pegawai berpangkat Penolong Penguasa Bomba Gred KB 40 dan ke bawah sahaja.

6.0 NORMA PEMANDU KENDERAAN JBPM

Norma Pemandu kenderaan bomba yang dibenarkan bagi tujuan pemberian ETKP adalah berdasarkan kepada berikut:

BIL	JENIS JENTERA	JUMLAH PEMANDU UTAMA	JUMLAH PEMANDU GANTIAN
1.	Jentera <i>Water Tender</i>	1 orang	1 orang
2.	Jentera Khas	1 orang	tiada
3.	Jentera <i>EMRS</i>	1 orang	Tiada

** Pemandu yang dilantik bagi menerima ETKP boleh juga memandu kenderaan utiliti di balai-balai.*

7.0 KADAR ELAUN

Kadar elaun-elaun memandu ini adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS ELAUN	KADAR
1	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)	RM 150.00 sebulan
2	Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)	
	Kereta /Van/Lori/Bot Berenjin	RM 5.00 sehari
	Motorsikal	RM 3.00 sehari

8.0 SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN

Syarat-syarat dan kelayakan bagi mendapat elaun-elaun ini adalah seperti berikut:-

8.1 SYARAT PERLANTIKAN PEMANDU ETKP

Syarat pelantikan pemandu bagi menerima Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP), dimana Elaun ini merangkumi 2 peringkat lantikan iaitu:

8.1.1 Syarat Lantikan Pertama

- 8.1.1.1 Telah disahkan jawatan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai Pegawai Bomba Gred KB19;
- 8.1.1.2 Mempunyai lesen memandu yang sah dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- 8.1.1.3 Hadir dan lulus Kursus Asas Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan;
- 8.1.1.4 Lulus ujian penyesuaian bagi pelantikan pemandu kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti di Lampiran 12;
- 8.1.1.5 Lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan kerajaan seperti di Lampiran 5;
- 8.1.1.6 Melengkapkan borang permohonan ETKP 1 seperti di **Lampiran 10**;
- 8.1.1.7 Bebas dari tindakan disiplin dan tatatertib; dan
- 8.1.1.8 Diperakukan oleh Pengarah Negeri.

8.1.2 Syarat Lantikan Lanjutan Setiap 5 tahun

- 8.1.2.1 Telah dilantik sebagai pemandu jentera lebih atau sekurang-kurangnya 5 tahun;
- 8.1.2.2 Mempunyai lesen memandu yang sah dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- 8.1.2.3 Hadir dan lulus Kursus Lanjutan Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan;
- 8.1.2.4 Lulus Ujian Kompetensi Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan yang ditetapkan oleh Jabatan seperti di **Lampiran 20**;

- 8.1.2.5 Lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan kerajaan seperti di **Lampiran 5**; dan
- 8.1.1.6 Bebas dari tindakan disiplin dan tatatertib.

8.1.3 Pegawai Bomba yang telah cukup syarat perlantikan sebagai pemandu kenderaan seperti di perenggan 8.1.1 tetapi tidak dilantik sebagai pemandu kenderaan sebagaimana ditetapkan di perenggan 8.1, tetapi diarahkan untuk memandu kenderaan tersebut oleh Pengarah Bomba Negeri pada masa-masa tertentu sahaja, juga layak dibayar ETKP secara Pro Rata (*Proportionate*) tertakluk tempohnya adalah tidak kurang daripada empat (4) jam sehari.

Pengarah Negeri hendaklah mengeluarkan surat arahan memandu kepada pegawai terlibat seperti di **Lampiran 15**.

8.2 Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)

Pegawai yang layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 8.2.1 Tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan;
- 8.2.2 Mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan seperti di **Lampiran 9**;

- 8.2.3 Bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot Jabatan, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang diiktraf;
- 8.2.4 Lulus ujian penilaian pemanduan kenderaan bomba dan pengendalian peralatan oleh JBPM seperti di **Lampiran 12**;
- 8.2.5 Memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada 4 jam sehari;
- 8.2.6 Bebas dari tindakan disiplin dan tatatertib, dan
- 8.2.7 Diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan.

9.0 KAEDAH PERMOHONAN PERLANTIKAN PEMANDU

9.1 Bagi elaun ETKP, pelantikan pemandu adalah seperti berikut:-

- 9.1.1 Pengarah Bomba Negeri boleh memajukan permohonan pelantikan pemandu daripada Pegawai Bomba Gred KB 19/ KB22 (TBK 1) / KB24 (TBK 2) / KB26 (TBK 3) yang telah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan di para 8.1.1 di atas kepada Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat dengan menggunakan Borang ETKP 1 seperti di **Lampiran 10**;
- 9.1.2 Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat setelah menerima Borang ETKP 1 hendaklah menyemak borang permohonan tersebut

dan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Akreditasi Jabatan (JAJ);

9.1.3 Setelah mendapat kelulusan jawatankuasa tersebut, Ketua Pengarah akan mengeluarkan surat pelantikan seperti di **Lampiran 13**; dan

9.1.4 Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat akan memajukan surat pelantikan tersebut kepada Pengarah Bomba Negeri dan seterusnya kepada pegawai bomba berkenaan.

9.2 Bagi elaun ETMK, jika terdapat keperluan, Pengarah boleh melantik mana-mana Penolong Penguasa Bomba Gred KB 40 dan ke bawah yang memenuhi syarat-syarat dan kelayakan seperti para 8.2 di atas seperti di **Lampiran 14**.

9.2.1 Penolong Pengarah, Ketua Zon dan Ketua Balai boleh memajukan permohonan ETMK yang telah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan di para 8.2 kepada Penolong Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat dengan menggunakan Borang ETMK 1 (seperti di **Lampiran 11**);

9.2.2 Penolong Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat setelah menerima Borang ETMK 1 hendaklah menyemak borang permohonan tersebut serta mendapatkan pengesahan dan kelulusan Pengarah Bomba Negeri;

9.2.3 Setelah mendapat pengesahan dan kelulusan, Pengarah Bomba Negeri akan mengeluarkan surat

kelulusan pembayaran ETMK (seperti di **Lampiran 14**);
dan

9.2.4 Penolong Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat akan memajukan surat pelantikan terima ETMK tersebut kepada Penolong Pengarah, Ketua Zon dan Ketua Balai dan seterusnya kepada pegawai bomba berkenaan.

10.0 PEMBATALAN PELANTIKAN PEMANDU

10.1 Perlantikan Pemandu ETKP akan terbatal secara automatik jika :-

10.1.1 Bersara;

10.1.2 Berhenti dari Perkhidmatan;

10.1.3 Diberhentikan dari Perkhidmatan.

10.2 Perlantikan Pemandu ETKP akan dibatalkan jika:-

10.2.1 Pemandu berpindah balai/negeri;

10.2.2 Dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi;

10.2.3 Tidak memenuhi syarat dan kelayakan;

10.2.4 Gagal Ujian Kompetensi Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan JBPM yang diadakan setiap 5 tahun (seperti di **Lampiran 20**);

10.2.5 Dikenakan tindakan disiplin dan tatatertib; dan

10.2.6 Arahan semasa Ketua Jabatan.

10.3 Perlantikan Pemandu ETMK akan dibatalkan jika :-

10.3.1 Pegawai berpindah negeri;

10.3.2 Dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi;

- 10.3.3 Dikenakan tindakan disiplin dan tatatertib; dan
- 10.3.4 Arahan semasa Ketua Jabatan.

11.0 KURSUS PEMANDU

- 11.1 Sebelum melantik pemandu kenderaan untuk memandu bagi elaun ETKP, ianya hendaklah telah menghadiri Kursus Asas Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan dengan jayanya.
- 11.2 Dalam tempoh 5 tahun selepas lantikan pertama, Pemandu kenderaan yang dilantik hendaklah hadir dan lulus Kursus Lanjutan Teknik Pemanduan Kenderaan Kecemasan.

12.0 SYARAT- SYARAT PEMBAYARAN

- 12.1 Pembayaran elaun pemandu iaitu ETKP dan ETMK hendaklah berlandaskan kepada peraturan kewangan;
- 12.2 Bagi ETMK tuntutan elaun memandu hendaklah mengisi borang seperti di **Lampiran 18** dan borang tuntutan perlulah mengikut Prosedur Kerja Senarai Semak Pembayaran ETMK.
- 12.3 Pembayaran ETKP akan terhenti, mulai hari pertama, apabila pegawai berada dalam keadaan seperti yang berikut:
 - 12.3.1 Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
 - 12.3.2 Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);

- 12.3.3 Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 12.3.4 Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 12.3.5 Cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- 12.3.6 Kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; atau
- 12.3.7 Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

12.4 Pembayaran ETKP hendaklah dibuat secara pro rata (*proportionate*) dalam keadaan sebagaimana di perenggan 8.1.3 atau di mana tempoh perkhidmatan Pemandu Kenderaan tidak genap satu bulan kalendar (seperti di **Lampiran 2**). Kaedah pengiraan ETKP secara pro rata (*proportionate*) adalah seperti yang berikut:

Bilangan hari menjalankan tugas

_____ x Kadar sebulan

Bilangan hari dalam bulan berkenaan

Tempoh empat (4) jam seperti di perenggan 8.1.3 adalah dikira mulai dari Pemandu Kenderaan memandu kenderaan sehingga selesai tugasnya, meliputi tempoh menunggu kerana menjalankan tugas rasmi yang ada kaitan dengan tugas hakikinya atau Jabatannya atau pegawai yang dibawanya.

Dalam keadaan Pemandu Kenderaan seperti di perenggan 8.1.3 bertugas secara syif atau atas panggilan (*on-call*), bilangan hari menjalankan tugas adalah merujuk kepada giliran bertugas Pemandu Kenderaan tersebut. Ini bermakna satu giliran bertugas bagi Pemandu Kenderaan tersebut adalah dikira sebagai satu hari bertugas.

13.0 BUKU LOG PEMANDU

Semua pegawai dilantik sebagai Pemandu Kenderaan dan dibayar elaun ETKP dikehendaki mengisi dan melengkapkan buku log pemandu seperti di **Lampiran 20**.

Ketua Balai hendaklah menyemak dan mengesahkan buku log pemandu setiap bulan.

14.0 BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU

14.1 Bayaran Pembaharuan Lesen memandu adalah diberikan kepada pemandu kenderaan yang ditugaskan untuk memandu kenderaan-kenderaan kerajaan yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen memandu yang sah. Rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017, Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu. (seperti di **Lampiran 4**).

14.2 Penyata Tuntutan Bayaran Balik Kerana Memperbaharui Lesen Memandu Kenderaan Kerajaan adalah bagi tahun semasa. (seperti di **Lampiran 19**).

15.0 PENUTUP

15.1 Perintah Tetap ini bagi memastikan pengurusan elaun untuk pemandu jentera kenderaan jabatan meliputi semua peringkat dilaksanakan dengan baik. Pembayaran elaun dilakukan berlandaskan dengan peraturan yang ditetapkan.

15.2 Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini dari masa ke semasa.


16.0 PEMBATALAN

Perintah Tetap ini secara rasminya membatalkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2019.

17.0 TARIKH KUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 10 Tahun 2021 ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ditandatangani.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

TARIKH: 8 Julai 2021

SENARAI LAMPIRAN

BIL	LAMPIRAN	AKTA/PERKELILING/ARAHAN/BORANG
1	LAMPIRAN 1	Surat Arahan Pemanjangan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)
2	LAMPIRAN 2	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2019 - Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
3	LAMPIRAN 3	Pekeliling Bilangan 12 Tahun 2007 - Elaun Tugas Memandu Kenderaan
4	LAMPIRAN 4	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 - Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu
5	LAMPIRAN 5	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 - Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Perlantikan ke Dalam Perkhidmatan Awam
6	LAMPIRAN 6	Surat Arahan Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2020 - Lantikan Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan Bagi Pegawai-Pegawai Kanan
7	LAMPIRAN 7	Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2020 - Peraturan dan Syarat-Syarat Penggunaan Kenderaan Jabatan
8	LAMPIRAN 8	Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1 Tahun 2013 - Pengurusan Kenderaan Kerajaan
9	LAMPIRAN 9	Syarat-syarat dan kelayakan ETKP dan ETMK
10	LAMPIRAN 10	Borang ETKP 1 - Borang Permohonan Perlantikan Pemandu Kenderaan Bomba Bagi Tujuan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)
11	LAMPIRAN 11	Borang ETMK 1 - Borang Permohonan Perlantikan Pemandu Kenderaan Bomba Bagi Tujuan Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)
12	LAMPIRAN 12	Format Ujian Penyesuaian Bagi Perlantikan Pemandu Kenderaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
13	LAMPIRAN 13	Surat Perlantikan Pemandu ETKP
14	LAMPIRAN 14	Surat Perlantikan Memandu Kenderaan Utiliti / Lori / Bot / Motorsikal RIM (ETMK)
15	LAMPIRAN 15	Surat Arahan Memandu untuk elaun ETKP Pro Rata
16	LAMPIRAN 16	Surat Pembatalan Perlantikan Pemandu Bagi Tujuan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
17	LAMPIRAN 17	Surat Pembatalan Perlantikan Memandu Bagi Tujuan Elaun Tugas Memandu Kenderaan
18	LAMPIRAN 18	Borang Tuntutan Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)
19	LAMPIRAN 19	Borang Tuntutan Pembaharuan Lesen Memandu
20	LAMPIRAN 20	Buku Log Pemandu
21	LAMPIRAN 21	Ujian Kompetensi Pemandu
22	LAMPIRAN 22	Norma Pemandu